

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI: MAJLIS MAKAN  
MALAM BERSAMA KOMUNITI**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Venue : RIVERSIDE MAJESTIC HOTEL KUCHING, SARAWAK

Date : 11/09/2025

---

**TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**

**PERDANA MENTERI**

**SEMPENA**

**MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA KOMUNITI**

**11 SEPTEMBER 2025 (KHAMIS) | 8:00 MALAM**

**RIVERSIDE MAJESTIC HOTEL KUCHING, SARAWAK**

***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh***

***Alhamdulillah nahmahduhu wa nusalli ala aasoolilah kareem  
wa 'alā ālihi wa ṣahbihi ajma ĩn***

***Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai  
Sejalai***, Sejalai Segulai ke Segulai Sejalai? Dua-dua sama. Saya sudah  
popularkan seluruh Malaysia tapi kadang-kadang tersasul juga (nada  
berseloroh).

**Saudara saya Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr)  
Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji  
Openg,**

Premier Sarawak;

**Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof,**

Timbalan Perdana Menteri, Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi  
Air;

**Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Anak Embas,**

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua,  
Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak;

**Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan,**

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Sumber Asli dan Pembangunan  
Bandar Kedua, Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan  
Pelabuhan Sarawak;

**Yang Berhormat Datuk Amar Prof. Dr. Sim Kui Kian,**

Timbalan Premier Sarawak, Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Sarawak;

Menteri-menteri Persekutuan dan Negeri;

**Yang Berhormat Datuk Amar Haji Mohamad Abu Bakar bin  
Marzuki,**

Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak;

Dan Rakan-Rakan yang saya muliakan.

1. Ini Premier saja test. Kita patut malam ini di Mulu tapi oleh kerana ada masalah sedikit dan cuaca, jadi dibatal, jadi terpaksa dibatalkan, ditangguh ke jadual lain. Jadi dalam masa yang singkat, Premier telah dapat mengatur satu majlis yang permai yang dihadiri oleh begitu ramai kawan-kawan, saya ucap terima kasih. Dalam masa singkat, satu hari notis. Saya tidak tahu dalam satu hari dia boleh panggil semua Menteri, semua ADUN, semua wakil parti, ini luar biasa, terima kasih.
2. Tetapi yang penting yang saya teliti, tekuni ucapan Premier Abang Jo ialah semangat, muafakat, kerjasama, saling percaya mempercayai, saling mendukung hasrat bersama untuk mengangkat martabat negeri Sarawak dan Malaysia. Apa lagi menjelang Sambutan Hari Malaysia pada 16 September ini.
3. Tadi di Limbang, atas inisiatif YB Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, kita sama-sama jayakan Projek Sarawak – Sabah Link Road Fasa 2. Dan di situ saya sampaikan umpamanya pandangan tentang semangat terbentuknya Malaysia yang pernah saya singgung dahulu. Tetapi tidak boleh kita ketepikan sumbangan bapa-bapa, ibu-ibu kita dahulu yang punyai wawasan tentang keamanan masa depan negara dan kebajikan rakyatnya. Kita yang tidak ikuti atau menyingkap lembaran sejarah mungkin anggap ini sebagai suatu kejadian, kemestian atau suatu peralihan masa yang biasa. Tidak begitu sebenarnya.

4. Sepertimana yang kita tahu rantau kita pada ketika itu 60-an, rantau sengit dalam persaingan kuasa yang sangat mencabar di antara Amerika Syarikat dan Soviet Union, dan kawasan Asia itu bergelut dalam kekecohan perebutan pertarungan ideologi. Tempiasannya sampai ke Semenanjung Tanah Melayu dan Sarawak dan Sabah. Vietnam masa itu dikuasai oleh komunis dan dibimbangi akan berlaku apa yang disebut Domino Effect. Jatuh satu persatu ke kuasa komunis.
  
5. Pemimpin-pemimpin masa itu kalau di Persekutuan Tanah Melayu, Perdana Menteri Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sangat risau dan bimbang hal yang sedemikian. Itu dari sudut geopolitik ketika itu.
  
6. Kemudian kita berbeda dari kedudukan Indonesia yang sekarang sahabat karib kita. Tetapi pada satu ketika, di zaman Presiden Sukarno, beliau memilih untuk menggabungkan kekuatan nasionalis agama dan Parti Komunis Indonesia. Parti Komunis Indonesia pada ketika itu merupakan Parti Komunis kedua terbesar di dunia selepas negara China dan sebelum Rusia. Dan sangat dibimbangi kerana tempiasannya ke sempadan Sarawak dan dari Semenanjung dari perbatasan Thailand. Dan ini menyebabkan tokoh-tokoh dan negarawan kita seperti Tun Temenggung Jugah Anak Barieng, Tun Abang Haji Openg dan kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana nampak tokoh-tokoh Sarawak sekarang itu masih mewarisi semangat pengasas negara kita.

7. Kalau kita lihat umpamanya saya sebut sini, minta maaf YB Dato' Sri Alexander Nanta Linggi dan Premier Abang Jo, kalau pendidikan mereka tidak canggih. Bukan orang-orang yang terdidik dengan penguasaan ilmu yang tinggi tetapi apa yang ada pada mereka? Keikhlasan, berjuang memerdekakan negeri, mencintai rakyat dan punyai wawasan tentang masa depan negara. Dia faham geopolitik. Faham bahawa kita harus kuat muafakat kita untuk menjaga keamanan kita, dengan semangat kebebasan dari penjajahan Inggeris dan memupuk satu kefahaman dan perasaan saling percaya mempercayai.
8. Almarhum Tunku Abdul Rahman satu watak yang sangat sesuai pada ketika itu walaupun saya masa anak muda ada juga menegur, mengkritik semasa saya di Universiti Malaya tetapi yang tidak boleh kita pertikaikan ialah bahawa kekuatan, keunggulan, kehebatan beliau adalah secara hemah, bijaksananya untuk mendakap rakan-rakan baru, memberikan ruang, berunding dengan baik sehingga timbul satu semangat keyakinan dan kepercayaan.
9. Tidak mudah, orang-orang yang mengikuti perkembangan Suruhanjaya Cobbold, kemudian MA63, tahu bahawa detik-detik rundingan yang sukar tetapi selesai kerana persahabatan. Saya lihat umpamanya saya masih kecil, lihat umpamanya kalau Tunku, masa itu Tun Temenggung Jugah Anak Barieng juga Menteri di Persekutuan, cara mereka bergurau, bersahabat itu luar biasa. Dan ini menyebabkan negeri dan negara itu kukuh.

10. Yang saya nak tekankan di sini ialah dari mana mereka punya wawasan untuk melihat jauh ke depan. Dalam keadaan negeri sangat keterbelakang, ketinggalan. Tidak punyai kolej, mungkin sekolah menengah sahaja. Itu pun sangat terbatas. Alat perhubungan di antara satu daerah dengan daerah lain. Saudara bayangkan 60-an, awal 60-an. Nak hubungi satu daerah dengan daerah, bayangkan betapa sukar tetapi mereka dapat menjangkau perbatasan. Dan saya kagum kerana saya tidak terfikir saya mampu sampai ke tahap itu.
11. Jadi, Alhamdulillah, kita bersyukur. Sekarang kita warisi dan sebab itu tadi meneliti ucapan saudara saya yang saya anggap lebih daripada sahabat dan saudara sekeluarga, Premier Abang Jo ialah mengakui ada kekuatan, ada masing-masing beri sumbangan tetapi mengakui ada isu-isu yang belum dapat dirungkai. Tetapi yakin penyelesaiannya berdasarkan kepercayaan dan saling menghormati di antara satu sama yang lain.
12. Sebab itu kita harus waspada. Ini bukan mudah. Tengok negara-negara lain berkecamuk. Siapa jangka meletus di sana? Selang satu dua minggu meletus lagi di sini. Berlaku pelbagai kekecohan dan kekacauan. Negara ini dapat mencatat kadar pertumbuhan yang segar, meyakinkan kerana keamanannya yang tentunya berdasarkan sumbangan peranan tentera, polis, pasukan keselamatan, penjawat awam yang bekerja.
13. Tetapi dengan politik yang stabil, bayangkan kalau politik tidak stabil, mana mungkin kita merangka, mana mungkin kita yakin ke sana ke sini, ke hulu ke hilir, ke negara-negara, bicara dengan

pelabur-pelabur, industri, mereka sendiri tidak akan yakin. Tetapi alhamdulillah, dan kestabilan politik itu kerana kekuatan kerjasama yang ada. Sebab itu sekali lagi saudara saya, Premier Abang Jo, ucap terima kasih kerana sepanjang hampir tiga tahun saya menjadi Perdana Menteri, saudara sama memberikan kekuatan dan dukungan yang sangat padu.

14. Saya sebut tadi kepada Dato Seri Awang Tengah, saya tidak ada langsung nak runsing apa orang cakap tentang saya. Tidak langsung mengganggu saya. Yang ganggu saya itu hanya YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof pasai beliau duduk sebelah saya di Kabinet, tetapi langsung tidak merisaukan. Ini akan membantu. Saya boleh fokus, beliau boleh fokus. Bahawa sepak terajang politik itu tidak menggugat, tidak menyebabkan kita hilang pedoman.
15. Tetapi sama ada Semenanjung atau Sabah, lebih-lebih Sabah dekat pilihan raya ini, dan Sarawak, tentu ada unsur-unsur yang akan membawa, meningkatkan suhu ketajaman dan kehangatan politik, ada. Dan kadang-kadang kenyataan-kenyataan itu keterlaluan. Kalau di Semenanjung bicara soal kaum, menghina kaum lain. Dari mana kita belajar? Agama mana? Budaya mana? Budaya suku kaum mana yang mengajak dan mengajar kebencian di antara satu sama lain? Di mana karamah insaniah kita? Di mana kemanusiaan kita? Masih ada? Kita harus tangani dengan baik apa saja yang kita bicarakan.
16. Baru-baru ini saya bicarakan soal kepentingan penguasaan bahasa Malaysia, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dengan baik. Tetapi saya juga tekankan keadaan negara sudah berubah, maka keperluan

penguasaan bahasa Inggeris sangat penting. Dia bukan zero-sum game. Saya cakap bahasa Melayu bukan maknanya meremehkan bahasa Inggeris. Nak utama dan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris, bukan untuk meninggalkan bahasa Melayu.

17. Sebab itu saya, dalam hal bahasa Inggeris, saya serasi dengan apa yang dilontarkan dan cuba dilaksanakan di Sarawak oleh Premier Abang Jo. Sebab bahasa Inggeris itu sangat penting. Dan di samping itu, bahasa-bahasa suku kaum lain: bahasa Cina, bahasa Tamil, kemudian bahasa-bahasa suku kaum Iban, Melanau, Bidayuh. Kalau kita makmurkan, tidak ada kerugian sama sekali kepada negara.
18. Sebaik saja habis ucapan itu, saya diserang, “Anwar sekarang sudah tunduk kepada tuntutan Cina kerana dia hanya mahu mempopularkan dan mengagumkan Bahasa Inggeris dan tidak lagi Bahasa Melayu”. Bayangkan, jadi konteks itu berbeda. Kita berdepan dengan masalah ini.
19. Sama juga soal agama. Saya kata, kita negara pelbagai kaum pelbagai agama, bukan baru ini. Tun Abang Jo Openg muslim. Temenggung juga tidak mewakili pandangan Islam. Tetapi mereka sama-sama berpakat untuk jayakan negara ini. Jadi bila saya sebut umpamanya memberi ruang kepada semua, walaupun di Semenanjung Islam agama persekutuan, berbeda sedikit di Sarawak, tetapi meraikan, menghormati, memuliakan, tidak langsung ada permasalahan.

20. Saya tekankan perkara ini kerana Sarawak seperti mana berulang kali saya sebutkan, syukur ia masih belum tertekan dengan masalah-masalah suku kaum dan agama seperti mana yang berlaku di beberapa negeri di Semenanjung. Jagalah negeri ini dengan baik. Jagalah perpaduan kita.
21. Kalau ini dapat diperkembangkan, maka kita tumpu isu yang disebut tadi. Teknologi tinggi, program latihan, talent. Premier Abang Jo ke Siemens, saya juga Siemens. Infineon, itu syarikat gergasi besar. New technology, dengan artificial intelligence, digital yang kita sebut di sini, Dasar Transformasi Digital. Semua ini memerlukan anak-anak yang dilatih, penguasaan ilmu yang lebih canggih, jurutera dengan kecanggihan tambahan, sinergi di antara syarikat dengan universiti, TVET yang bertambah.
22. Semua ini boleh kita tumpu bila keadaan negeri itu aman, politiknya stabil dan pimpinan punyai wawasan dan program yang jelas. Economics, social policies yang akan membantu mengangkat martabat negara kita. Dan sebab itu, selain daripada program-program yang kita dah umumkan, yang terpakai di banyak negeri-negeri, kita kata Sarawak ini, bukan saya datang sini saya sebut tadi di Limbang. Sama ada saya di Geneva atau di Tokyo, bicara soal perkembangan negara dan sebagainya, bila bicara tentang transisi tenaga, Dasar Peralihan Tenaga, baik hidro atau green hydrogen. Itu dengan segera mengangkat kedudukan kerana orang semua melihat Sarawak punyai potensi menjadi hub tenaga bagi rantau ini.

23. Jadi termasuk green hydrogen, dan ini Premier Abang Jo dia lebih mahir bab-bab details, terminology, saya setakat ini cukup. Tetapi saya nak tunjukkan bahawa potensinya besar. Gerakkan saudara-saudara. Tumpu dalam hal-hal yang sedemikian. Jaga supaya tatakelola baik. Hindari dari penyelewengan dan rasuah supaya tatakelola baik.
24. Dan kemudian tumpu dalam soal-soal pembangunan yang akan dijayakan. Dan kita, seperti mana disebut, betul kalau keadaan Kerajaan Persekutuan itu mantap, dasarnya baik, negeri itu kukuh, ekonominya baik, dia akan mengurangkan beban, yang pentingnya rakyat. Apa yang rakyat perolehi. Dan insya-Allah kita akan teruskan.
25. Saya sebut tadi, umpamanya tidak mudah dan dasar kita. Apa sahaja hasil yang banyak, kita curahkan balik kepada rakyat. Sebab itu, saya kata STR itu dah terangkat menjadi RM15 bilion. Hampir kebanyakan rakyat Sarawak juga perolehi. SARA itu hanya satu, tetapi yang STR ini, Sumbangan Tunai Rahmah itu diperolehi oleh semua rakyat. Berapa jumlah untuk satu negara? RM15 bilion.
26. Kita naikkan gaji penjawat awam kerana sumbangan mereka begitu baik dan 12 tahun tidak naik gaji dalam sistem saraan. Jadi, kita naik mulai tahun ini tambahan RM10 bilion. Tahun depan tambahan RM18 bilion.
27. Jadi saudara-saudara, sebab itu kalau kita dapat fokus dengan yakin hal ini, negara ini punya potensi yang luar biasa. Tengok saja di

ASEAN. Ada orang kata, “Oh, Anwar, terima kasih.” Termasuk Presiden Trump telefon saya, beliau kata, “Oh thank you, fantastic,” kerana kejayaan mendamaikan Thailand dan Kemboja. Saya jawab, saya dapat lakukan itu kerana saya punyai pasukan pimpinan di Jemaah Menteri dalam kerajaan yang kuat dan bekerjasama. Saya dapat lakukan kerana hubungan baik kita dengan semua Ketua-Ketua Negara ASEAN. Dan saya dapat lakukan itu kerana Pemimpin-Pemimpin Kemboja dan Thailand itu adalah sahabat kita yang memberi kepercayaan kepada kita. Ini yang dapat kita jayakan. Alhamdulillah.

28. Walaupun kita tak mahulah pengalaman itu. Di Thailand, dah berapa? Tiga (3) Perdana Menteri termasuk satu pemangku Perdana Menteri ada empat (4) dalam dua (2) tahun. Dulu kita hebatlah, 3 tahun, 4 tahun, sampai tiga (3). Dia potong kita dah. Jadi, sebab itu penting.
29. Saya nak rumuskan sedikit, saya tahu kita dah lapar, tentang digital transformation ini. Baru-baru ini saya bicara tentang productivity paradox, generation AI, productivity paradox. Kita belanja banyak untuk teknologi, untuk komputer, untuk IT dan kini AI. Harus ada kesediaan kita untuk mengkaji sama ada perolehan yang besar, perbelanjaan yang tinggi itu memberikan hasil produktiviti yang setimpal kerana tidak semestinya berlaku.
30. Kebetulan pada hari Ahad bulan lalu, saya ada waktu, saya baca laporan daripada United Nations University Tokyo dan juga rumusan daripada McKinsey tentang productivity paradox. Kerana dulu

belanja beli komputer, buat online supaya kurang gunakan kertas. Tetapi kesannya di banyak jabatan bukan kurang, ada yang lebih. Jadi ada prompt, “paperless to paperless” yang jadi di setengah jabatan “paper more”.

31. Jadi, sebab itu bila kita ada program baru, mesti ada pemantauan menilai supaya kesannya baik. Dalam isu digital juga jaminan perhatian kita apa? Jangan berlaku digital divide. Golongan yang berada, elit punyai peluang. Yang miskin bandar, di desa, di pedalaman terpinggir kerana tidak ada connectivity dan tidak ada kemudahan. Maka waspada supaya kemudahan itu dapat diberikan secara adil dan sama rata.
32. Dan ketiga aspek digital ini, ini disebut oleh semua, Premier Abang Jo. Disebut oleh Microsoft, Google semua, mereka kata bagaimana perisiannya? Kerana kita kadang-kadang tanya soalan, jawab ChatGPT, Google. Kita assume.
33. Jadi, Muslim Council of Britain, dia tanya ChatGPT, boleh bagi ayat Al-Quran tentang satu insiden. ChatGPT pun bagi, “Qalallahu ta’ala fil Qur’anul Karim”, dengan ayat. Bunyi betul ayat. Dia pun sebar. Kemudian orang dapat tahu. Bukan, tidak tepat. Jadi, maknanya the human brain, keupayaan kita sendiri memantau. Kerana AI itu machine, hebat seperti mana pun dia machine. Apa yang dimasukkan, itulah yang akan dilontarkan atau dimuntahkan. Jadi sebab itu anak-anak kita dalam AI mesti dilatih.

34. Pertama, kecanggihan teknologi dia mesti kuasai. Keduanya, dia mesti bangga dengan agamanya, budayanya, sejarah dia. Supaya masukkan itu akan sesuai mempertahankan jati diri kita, budaya kita dan keistimewaan kita sebagai satu negeri dan negara. Inilah perlunya latihan, bukan sekadar latihan, tetapi latihan yang serasi dengan nilai hidup kita.
  
35. Sebab itu dalam MADANI ini, kita tekankan soal nilai. Kerana membedakan mesin dengan manusia itu nilai, dan moral, dan akhlak dan etikanya.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Copyright of the Prime Minister's Office Official Website**

Source: <https://www.pmo.gov.my/2025/09/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-majlis-makan-malam-bersama-komuniti/>